

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan permohonan bas elektrik oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Prasarana Malaysia Berhad. Juga perincian maklum balas berhubung permohonan tambahan bilangan bas (daripada yang sedia ada) bagi meningkatkan operasi Rapid Penang Sdn. Bhd. kini termasuk memperkenalkan perkhidmatan bas mini bagi kawasan-kawasan perumahan serta luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kewangan (MOF) sedang giat untuk merangsang ekonomi negara berikutan kelembapan ekonomi akibat penularan wabak Covid-19. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh Kerajaan dalam menangani masalah ekonomi semasa di samping mengawal penularan wabak Covid-19 di seluruh negara.

Susulan daripada itu, MOF telah mengkaji semula keperluan bagi pembelian bas elektrik untuk pengangkutan awam di bandar-bandar terpilih seluruh negara (termasuk Pulau Pinang) dan pelaksanaan program ini ditangguhkan. Keperluan ini boleh dipertimbangkan semula pada masa hadapan sekiranya terdapat keperluan mendesak bagi perolehan bas elektrik. Sekian, terima kasih.